

ANALISIS ISU PEDOFILIA MENURUT HADIS NABI BERKAITAN PERKAHWINAN

Abur Hamdi Usman, Mohd Norzi Nasir, Norsaleha Mohd Salleh, Syarul Azman
Shaharuddin, Rosni Wazir dan Muhammad Fakhur Razi Shahabudin

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Emel: aburhamdi@kuis.edu.my

Abstrak

Perkahwinan bawah umur mutakhir ini mendapat perhatian dari pelbagai pihak sehingga ianya memberikan impak dalam sosio budaya masyarakat Malaysia. Hal ini kerana perkahwinan bawah umur dapat dikaitkan dengan isu penganiayaan terhadap kanak-kanak dan pedofilia. Sebahagian pihak merasa bimbang jika kanak-kanak ini dieksploitasi oleh golongan dewasa bagi sesuatu kepentingan. Dengan berlakunya kes-kes sebegini, secara tidak langsung memberi kesedaran akan nilai tanggungjawab dan sekali gus membuatkan masyarakat celik terhadap agama. Justeru, artikel ini akan membahaskan isu pedofilia berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitan perkahwinan. Dengan menggunakan metode kualitatif artikel ini mendapati terdapat elemen anti pedofilia yang diajarkan oleh Rasulullah SAW melalui perkahwinan Baginda bersama Aishah RA. Selain daripada itu, bagi menghapuskan salah faham masyarakat terhadap isu pedofilia menjadi tanggungjawab pemimpin dan sarjana untuk membincangkan status had umur yang ideal di tetapkan di Malaysia.

Kata Kunci: Analisis; Pedofilia; Hadis; Perkahwinan Nabi; Anti-Pedofilia.

1. Pendahuluan

Era globalisasi abad ke 21 ini menunjukkan dunia semakin hari semakin mengejar kemodenan tanpa batasan. Kemajuan teknologi hari ni kian hari berkembang maju untuk memberikan manfaat kepada seluruh manusia. Dalam hal ini Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membangun sebagai negara maju dan berpotensi tinggi. Namun pada satu sisi kemajuan tersebut terhapus nilai-nilai kemanusiaan dalam diri segelintir manusia. Sehingga gamak menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa kerakusan seksual mereka. Jenayah seksual kanak-kanak berkembang sesuai dengan kemajuan teknologi masa kini, dan bilangan mangsa semakin hari semakin meningkat dalam statistik jenayah kanak-kanak di seluruh negara.

Pada kebelakangan ini, isu perkahwinan bawah umur menggemparkan media Malaysia. Baru-baru ini tular gambar perkahwinan bawah umur yang melibatkan seorang lelaki berumur 41 tahun bersama pasangannya kanak-kanak berumur 11 tahun. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata siasatan awal pegawai pelindung dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan mendapati perkahwinan itu dijalankan di Golok, Thailand dan ibu bapa kanak-kanak itu juga merupakan warganegara Thailand (Mstar, 2018). Isu perkahwinan bawah umur hari ini telah dikaitkan dengan pedofilia, walaupun ianya halal dari sudut syariat namun masyarakat seolah-olah tidak dapat menerima perkara ini. Kerana kemungkinan besar

terdapat sentemen eksploitasi kanak-kanak, kerana kuasa perkahwinan bawah umur hanya cukup dengan persetujuan wali untuk dinikahkan.

Perkahwinan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat merujuk kepada perihal berkahwin atau bernikah; pernikahan, sesuai dengan peribahasa “*menghubung hendak panjang, menyebarkan hendak lebar*” yang bermaksud perkahwinan yang akan menambahkan keluarga di kedua belah pihak (Noresah, 2005).

2. Isu Pedofilia

Jenayah seksual kanak-kanak atau pedofilia mula dipandang serius setelah berlaku kes tergepar Richard Huckle pada tahun 2016. Dan isu ini adalah kes pertama pedofilia terbesar yang berlaku di Malaysia. Berdasarkan sesi temu bual bersama ASP. Nor Elyanis Mohd Yusoff di bahagian siasatan jenayah seksual wanita dan kanak-kanak Divisyen 11 Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, beliau menyatakan:

Richard Huckle tu ye lah memang orang kata apa, itulah paling teruk tapi di buat warga negara luar, suspek tu dari luar bukan orang Malaysia (17 April 2019, Rabu).

Dalam rekod jenayah Richard Huckle seolah-olah melakukan jenayah tersebut untuk mencari kepuasan dan hiburan semata-mata. Berikut adalah kenyataan tersebut:

Macam Richard Huckle dia ad ledger, buku ledger dia. Dan dia ada class-class macam contoh, saya tak ingat kes apa lah, apakah corak perlakuan seks tu. Saya ambil contoh, contoh la gambar baby dimasukkan kemaluan lelaki ke dalam baby taw, baby tu baby. Itu rating tinggi dia akan catat dalam ledger dia. Orang-orang macam ni yang kronik ni memang itulah dia, sampai ada buku daftar (17 April 2019, Rabu).

Ini menunjukkan jenayah yang dilakukan adalah untuk mencari *rating* dan populariti, dan ianya merupakan satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Isu pedofilia di Malaysia mula menambahkan angka korbannya dari hari ke hari, dan ianya melibatkan pelbagai cabang. Secara asasnya Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 ini menyentuh empat perkara utama iaitu mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak seperti pornografi kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) serta amang seksual (fizikal dan bukan fizikal), hukuman terhadap pelaku jenayah dan orang yang mempunyai perhubungan amanah yang terlibat atau bersubahat dalam kesalahan-kesalahan seksual tersebut, keterangan saksi kanak-kanak dan kewajipan melaporkan (Salleh Buang, 2017).

Statistik dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017 iaitu dengan purata kes sebanyak 3,176 kes setahun. Jumlah tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual iaitu rogol sebanyak 13,272 kes diikuti cabul sebanyak 6,014 kes, sumbang mahram sebanyak 1,796 kes dan perbuatan luar tabii sebanyak 1,152 kes (Utusan Online, 2017).

Statistik di atas adalah jenayah terhadap kanak-kanak yang telah direkodkan, di samping itu rekod permohonan kahwin bawah umur juga tinggi dilaporkan. Jadual 1 adalah statistik yang dilaporkan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jadual 1: Permohonan kebenaran nikah bawah umur kanak-kanak beragama Islam di seluruh negara sejak Januari 2013 hingga Disember 2017.

(Januari) 2013-2017 (Disember)	
Negeri	Permohonan
Johor	440
Kedah	389
Sarawak	918
Kelantan	793
Negeri Sembilan	155
Pahang	354
Perak	266
Perlis	107
Pulau Pinang	86
Melaka	91
Sabah	793
Selangor	385
Terengganu	407
Wilayah Persekutuan	178
Jumlah keseluruhan	5,362

Perkahwinan bawah umur bukanlah isu yang baru yang melanda negara ini, bahkan ianya telah diaplikasi di kebanyakan negara di dunia ini. Dan perlu difahami bahawa rekod perkahwinan bawah umur di Malaysia tidaklah diungguli oleh Muslim di Malaysia. Jadual 2 di bawah merujuk kepada rekod dari KDN Malaysia.

Jadual 2: Perkahwinan kanak-kanak bukan Islam bawah umur yang berkahwin dengan pasangan dewasa mengikut agama 2017.

Kategori	Jumlah
Islam	877
Bukan Islam	968
Jumlah	1,845

Rekod perkahwinan bawah umur di Malaysia didahului oleh bukan Islam sebanyak 968 orang dan Islam berjumlah 877 orang, dan total keseluruhan 1,845. Dan ini hanyalah jumlah yang telah direkod di Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2017 sahaja.

3. Hadis Perkahwinan Rasulullah SAW bersama Aishah RA

Hadis berkaitan perkahwinan Rasulullah SAW dengan Aisyah RA menjadi isu hangat di kalangan pemikir barat dan Islam. Malah ada sebahagian intelektual Muslim yang cuba menafikan kesahihan hadis tersebut, sedangkan ianya hadis yang telah diriwayatkan di

dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Bahkan telah jelas kesahihan kedua-dua kitab hadis ini diangkat sebagai kitab paling sahih setelah al-Quran al-Karim. Berikut adalah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA berkenaan umur beliau ketika dinikahi baginda Nabi SAW:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: «تَزَوَّجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِسِتِّ سِنِينَ، وَبَنَى بِي وَأَنَا بِنْتُ تِسْعِ سِنِينَ»

[Muslim, *Sahih Muslim, Kitabun Nikah, Bab Tuzauwij Al-Ab Biki al-Saghirah*, no hadis 1422]

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, berkata: “*Rasulullah SAW telah menikahiku ketika umurku enam tahun dan baginda SAW telah bersamaku ketika umurku sembilan tahun*”.

Dalam riwayat yang lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: «تَزَوَّجَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا بِنْتُ سِتِّ سِنِينَ.

[al-Bukhari, *Sahih Bukhari, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Tuzauwij Nabi SAW Aisyah*, no hadis 3894]

Maksudnya: Daripada Aisyah RA, berkata: “*Nabi SAW telah menikahiku ketika umurku enam tahun*”.

Perawi hadis yang lain turut meriwayatkan hadis yang sama dengan lafaz berbeza:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " تَزَوَّجَنِي وَأَنَا بِنْتُ سَبْعِ أَوْ سِتِّ.

[Abu Daud, *Sunan Abu Daud, Kitab al-Adab, Bab fil Arjuhah*, no hadis 4933]

Maksudnya: Daripada Aisyah, berkata: “*Telah menikahiku (Nabi SAW) ketika umurku tujuh atau enam (tahun)*”.

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: «تَزَوَّجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا بِنْتُ سِتِّ، وَدَخَلَ عَلَيَّ وَأَنَا بِنْتُ تِسْعِ سِنِينَ، وَكُنْتُ أَلْعَبُ بِالْبَنَاتِ»

[al-Nasāie, *Sunan Nasāi, Kitābun Nikah, Bab banaun bintun tis 'ūn*, no hadis 3378]

Maksudnya: Daripada Aisyah, berkata: “*Rasulullah SAW telah menikahiku ketika umurku enam tahun dan baginda SAW telah bersamaku ketika umurku sembilan tahun dan ketika itu aku masih bermain-main dengan anak patung*”.

Daripada hadis-hadis di atas, jelas menunjukkan terdapat empat hadis yang berlainan lafaz tetapi menunjukkan makna yang sama. Empat imam telah meriwayatkan hadis dari Aisyah RA iaitu Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan imam al-Nasa'i. Menerusi hadis-hadis di atas wujud elemen anti pedofilia yang tersembunyi di sebaliknya untuk dirungkai dan dibahas.

3.1 *Asbab* perkahwinan Rasulullah SAW dan Aisyah RA

Perkahwinan Rasulullah SAW dengan Aisyah RA bukanlah atas sebab kepentingan diri, namun ianya adalah perintah dan petunjuk dari Allah SWT, sesuai dengan hadis Nabi SAW dalam *Sahih Muslim*:

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُرِيْتُكَ فِي الْمَنَامِ ثَلَاثَ لَيَالٍ، جَاءَنِي بِكَ الْمَلَكُ فِي سَرَقَةٍ مِنْ حَرِيرٍ، فَيَقُولُ: هَذِهِ أَمْرَأَتُكَ، فَأَكْشِفُ عَنْ وَجْهِكَ فَإِذَا أَنْتِ هِيَ، فَأَقُولُ: إِنَّ يَكُ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ، يُمِضِهِ"

[Muslim, *Sahih Muslim, Kitab Fadha'il Sahabah Radiallahu anhum, Bab Fadlh Aisyah Radiallahu ta'ala anha*, no hadis 2438].

Maksudnya: *Daripada Aisyah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Aku bermimpi melihatmu selama tiga hari berturut-turut. Malaikat datang kepadaku dengan membawa gambaranmu di dalam balutan sehelai kain sutera. Malaikat berkata, 'Inilah gambaran isterimu.' Aku pun membuka kain sutera yang menutupi wajahmu itu, ternyata itu adalah engkau. Maka, aku katakan, 'Jika memang ini daripada Allah, nescaya Allah melaksanakannya'."*

Atas sebab petunjuk Allah SWT tersebutlah Rasulullah SAW menikahi Aisyah RA, dan pasti ada sebab dan hikmah yang besar di sebalik perkahwinan ini. Oleh itu, tuduhan pedofilia terhadap Nabi merupakan satu fitnah yang besar terhadap Islam.

3.2 Perkahwinan Rasulullah SAW tidak menjadi fitnah

Sekiranya merujuk kepada perkahwinan Rasulullah SAW bersama Saidatina Aisyah, jelas perkahwinan tersebut berlaku ketika Aisyah RA berumur 6 atau 7 tahun, ianya disokong dengan *athar* pengakuan Aishah RA. Namun yang menjadi tanda tanya adalah mengapa pada zaman tersebut perkara-perkara seperti ini tidak digembar-gemburkan, mengapa tiada tuduhan dari orang *musyrikin* Mekah, sedangkan kafir Quraish terkenal dengan sifat suka memfitnah Rasulullah SAW.

Dalam kalangan masyarakat Arab jahiliyyah contohnya, nikah *al-ṣ ighār* adalah suatu yang lazim. Nikah *al-ṣ ighār* adalah amalan saling bertukar anak perempuan yang masih muda antara bapa-bapa untuk mereka kahwini. Amalan ini tidak memberi ruang pilihan kepada anak-anak perempuan untuk menolak. Tetapi, Amalan *nikah al-ṣ ighār* ini telah diharamkan dalam Islam (al-Sarakhsī, 2001).

Justeru, perkahwinan Rasulullah SAW bersama Aisyah RA pada zaman tersebut tidak menjadi buah mulut dan tular dalam masyarakat umum. Hairannya, isu ini mula dibangkitkan oleh sesetengah pihak, malah pelbagai tuduhan dilemparkan kepada Rasulullah SAW. Dan perkara ini berlaku kerana sifat pihak-pihak tertentu memusuhi baginda tanpa usul periksa. Menurut Motzki (1996), pakar agama dari German menjelaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak bukan suatu isu dalam kalangan masyarakat silam. Amalan ini dilakukan secara meluas, bukan sahaja dalam masyarakat

Islam, bahkan juga dalam budaya silam masyarakat dunia yang lain, seperti di China, Jepun, India, Babylon, Rom, Athens, Yahudi dan Kristian di Eropah.

3.3 Aisyah RA baligh ketika tinggal bersama Nabi SAW

Dalam isu ini, perkahwinan Rasulullah SAW diatur oleh Saidina Abu Bakar iaitu ayah Aisyah RA pernikahan ini dipersetujui sendiri oleh wali mujbir, dan Aisyah RA tinggal serumah bersama Nabi SAW pada usia 9 tahun sesuai waktunya seseorang wanita itu baligh. Mengikut undang-undang Islam, istilah kanak-kanak digunakan merujuk kepada seseorang yang belum baligh (al-Suyūṭī, 1968). Terdapat dua cara bagi menentukan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh atau sebaliknya, iaitu baligh secara *tabi'i* dan baligh dengan umur.

Sebilangan ulama berpendapat bahawa waktu bermulanya haid adalah setelah seorang perempuan itu berusia 9 tahun, mengikut tahun hijriyah dan satu tahun hijriyah biasanya berjumlah 354 hari (as-Sayyid Sābiq, 2012). Ini menunjukkan sebahagian ulama mazhab Syafī meletakkan umur baligh bagi wanita adalah 9 tahun, sesuai dengan umur Aisyah RA ketika bersama dengan Rasulullah SAW. Terdapat beberapa pendapat ulama berkaitan perkahwinan bawah umur, dan antaranya ialah:

- Dar Ifta' Jordan: Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Samahah al-Syeikh Dr. Nuh Ali Salman Al-Qudhaah Rahimahullah berkata: Akad perkahwinan yang berlaku sebelum baligh adalah sah dengan syarat ia diuruskan oleh bapa atau datuk sebagai menggantikan pihak kanak-kanak. Akan tetapi para pemerintah umat Islam boleh sahaja menghalang proses berlakunya akad kanak-kanak lelaki dan perempuan bagi menghalang *mafsadah-mafsadah* yang boleh terhasil dari perkahwinan tersebut. Dan wajib terikat dengan arahan pemerintah dalam isu ini. Ini kerana pemerintah apabila menghalang perkara yang harus, maka wajib ke atas rakyat untuk meninggalkannya (larangan tersebut) (Bayan Linnas, 2018).

Hujah di atas menunjukkan tidak berlaku halangan atau larangan dari pemerintah ketika zaman Rasulullah SAW, walaupun pemerintah ketika itu dimonopoli oleh golongan kafir Quraisy. Namun, undang-undang negara Jordan kini melarang perkahwinan dengan kanak-kanak sesuai kuasa yang dimiliki oleh pemerintah untuk menetapkan had umur perkahwinan (Mahmud Ali al-Sartawi, 2007).

- Syeikh Shauqi Allam (Mufti Mesir): Isu ini perlu dilihat kepada had umur yang telah ditentukan oleh undang-undang negara, dan jika perkahwinan telah sah dan sempurna syarat, ia tidak boleh difasakhkan kecuali jika salah satu pihak bangkitkan ke mahkamah. Berkenaan umur 'Aisyah semasa berkahwin dengan Nabi pula, perlu dilihat kepada suasana pada ketika itu yang mana kanak-kanak perempuan baligh pada usia yang lebih muda dan ini kadangkala tidak berlaku pada zaman ini (Muhammad Fahmi Rusli, 2018).

Hujah mufti Mesir di atas menunjukkan usia baligh kanak-kanak pada zaman dahulu berbeza dengan sekarang. Oleh sebab itu status baligh selalunya mengeluarkan seseorang dari kepompong kanak-kanak kepada remaja secara automatik.

3.4 Tiada trauma dan gangguan psikologi

Perbuatan pedofilia selalu dikaitkan dengan kesan yang mendalam terhadap kehidupan kanak-kanak tersebut. Penderaan seksual mendatangkan kesan negatif dan kritikal. Ia mampu memberikan kesan trauma yang kompleks kepada kehidupan kanak-kanak yang mengalaminya (Steel, Sanna, Hammond, Whipple & Cross, 2004; Hyman, Gold & Cott, 2003; Salina, Fuziah, Suzana & Zaizul, 2012). Kesan tersebut akan menghantui pemikiran, emosi dan tingkah laku kanak-kanak sehinggalah mereka meningkat dewasa (Muhammed Sharif & Nur Diyana, 2012; Browne & Finkelhor, 1986; Lianny, 2004).

Namun, perkahwinan Aisyah RA bersama Rasulullah SAW menunjukkan tiada sebarang hadis yang menunjukkan bahawa Aisyah RA merasa teraniaya, trauma atau tidak bahagia bersama Rasulullah SAW. Malah kebanyakan hadis menggambarkan rumah tangga yang hormani, romantis, cemburu dan perselisihan faham sahaja. Ini menunjukkan dengan jelas Aisyah RA bahagia dengan perkahwinannya bersama Rasulullah SAW sehinggalah wafat baginda. Dalam satu hadis Rasulullah SAW membuat pengakuan:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي».

[Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah, Kitabun Nikah, Bab Hasan Ma'asyirah Nisa*, no hadis 1977]

Maksudnya: *Daripada Ibnu 'Abbas, dari Rasulullah SAW bersabda: Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isterinya.*

Hadis di atas adalah bukti bahawa Rasulullah SAW sangat memuliakan wanita yang bernama isteri. Oleh itu sepanjang usia perkahwinan Aisyah RA, beliau lalui dengan penuh bahagia, ini kerana Baginda Nabi SAW merupakan suami yang terbaik dan memahami, menjadi contoh terbaik untuk ummatnya.

3.5 Kasih Sayang terhadap kanak-kanak fitrah

Bagaimana mungkin Rasulullah SAW dituduh sebagai pedofilia, sedangkan sifat kasih sayangnya terhadap kanak-kanak bersifat lumrah dan fitrah sebagai manusia. Di samping itu, banyak hadis-hadis cara Rasulullah SAW melayan kanak-kanak seperti cucunya Hassan dan Hussin. Ini menunjukkan salah satu Sunnah Nabi SAW dengan memuliakan kanak-kanak bukan mengeksploitasi mereka.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَبِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنَ الْوَالِدِ مَا قَبِلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: «مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ».

[al-Bukhari, *Sahih Bukhari, Kitab Bab Rahmah al-Walidu wa lā ...*, no hadis 5997]

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah RA berkata: “Rasulullah SAW mencium Al-Husain bin Ali RA, dan sedang duduk berhampiran baginda SAW adalah Al-Aqra’ bin Habis al-Tamimi RA. Al-Aqra’ RA berkata: Aku mempunyai sepuluh orang anak, aku tidak pernah cium walaupun seorang daripada mereka. Rasulullah SAW melihat kepadanya kemudian bersabda: Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi.”*

Hadis di atas menunjukkan bagaimana Rasulullah SAW mendidik sahabat dengan kalimat ‘Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi’. Maka setiap perkara dalam hidup adalah berkait dengan memberi dan menerima seperti istilah English ‘What you give, you get back’. Dalam hadis lain Rasulullah SAW menekankan:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا، وَيُوقِّرْ كَبِيرَنَا، وَيَأْمُرَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ.

[al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Bir wa al-Silah ‘an Rasulillah SAW, Bab ma ja’ a fi rahmat al-sibyan*, No. 1921, Hasan Gharib]

Maksudnya: *Daripada Ibn ‘Abbas RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Bukanlah termasuk golongan kami, mereka yang tidak mengasihi anak-anak kecil kami dan tidak pula menghormati orang tua kami, serta tidak menyuruh yang makruf dan melarang yang munkar”.*

Hadis di atas menunjukkan betapa pentingnya berkasih sayang dan memuliakan kanak-kanak, sehingga muncul kalimat ‘*laysa minna*’ (Bukanlah termasuk golongan kami). Ini menunjukkan penegasan Nabi SAW terhadap ummatnya bahawa perbuatan menganiaya, mendera, mengeksploitasi dan pedofilia merupakan perbuatan yang dibenci Nabi SAW. Justeru itu, tuduhan Nabi sebagai pedofilia merupakan tuduhan yang amat berat dan fitnah yang besar.

3.6 Berkahwin bukan kerana nafsu

Seandainya Rasulullah SAW seorang pedofilia, mengapa tidak dinikahi semua isteri baginda ketika seusia dengan Aisyah RA. Bahkan Nabi SAW menikahi kebanyakan dari kalangan janda. Ini menunjukkan perkahwinan baginda bersama Aisyah RA bukanlah atas kehendak nafsu. Berikut adalah senarai Nama isteri baginda Nabi beserta umur mereka ketika menikahi Nabi:

Jadual 3: Senarai Nama Isteri Rasulullah SAW

Bil	Nama	Latar belakang
1.	Siti Khadijah binti Khuwailid	Berkahwin dengan Nabi SAW ketika umur 40 tahun.
2.	Saudah binti Zam’ah	Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada bulan Syawal tahun ke-10 kenabian, ketika umur 65 tahun.
3.	Sawdah	Adalah isteri sepupu sebelah bapanya yang bernama al-Sakran bin Amru. Sawdah bercerai mati dengan suaminya.

- | | | |
|-----|---------------------------------------|--|
| 4. | Aisyah binti Abu Bakar | Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada bulan Syawal tahun ke-11 kenabian selepas setahun perkahwinan baginda dengan Sawdah. Berusia 6 tahun bernikah dan duduk bersama Nabi ketika 9 tahun. |
| 5. | Hafsah binti Umar | Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada tahun 4 Hijrah ketika berusia 21 tahun. Menjadi janda setelah kematian suaminya Kunays bin Hudhafah semasa jarak masa antara perang Badar dan Uhud. |
| 6. | Zainab binti Khuzaymah | Berkahwin dengan Rasulullah pada tahun 4 Hijrah ketika berusia 29 tahun. Bekas isteri Abdullah bin Jahsy yang gugur syahid dalam perang Uhud. Beliau digelar Ummu al-Masakin (ibu orang miskin) kerana sikap penyayang dan kelembutannya terhadap orang miskin. Meninggal dunia dua atau tiga bulan selepas berkahwin dengan Rasulullah SAW. |
| 7. | Ummu Salamah Hindun binti Abu Umayyah | Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Syawal 4 hijrah ketika berusia 34 tahun. Balu kepada Abu Salamah. |
| 8. | Zainab binti Jahsy bin Riyab | Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Zulkaedah 5 Hijrah ketika berusia 35 tahun. Anak ibu saudara Rasulullah sebelah bapa. |
| 9. | Juwairiyah binti Al-Harith | Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Syaaban 6 Hijrah ketika berusia 21 tahun. |
| 10. | Ummu Habibah Ramlah binti Abu Sufiyan | Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Muharam 7 Hijrah ketika berusia 31 tahun. Bekas isteri Ubaydullah bin Jahsy yang telah murtad dan memeluk agama Nasrani dan meninggal dunia di sana. |
| 11. | Safiyyah binti Huyai bin Akhtab | Merupakan tawanan perang khaybar. Rasulullah SAW memerdekakannya serta mengahwininya setelah Khaybar ditakluk. Berkahwin dengan Rasulullah pada usia 17 tahun. |
| 12. | Maymunah binti al-Harith | Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Zulkaedah 7 Hijrah ketika berusia 25 tahun. Saudara perempuan Ummu al-Fadl Lubabah binti al-Harith. |

Rujukan: Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri, 1976.

Daripada seluruh isteri Nabi SAW, hanya Aisyah RA dinikahi Nabi SAW ketika kanak-kanak, namun tinggal bersama Nabi setelah *baligh* pada usia 9 tahun. Umur isteri-isteri Nabi SAW di atas membuktikan bahawa baginda bernikah atas sebab-sebab yang utama terhadap pembangunan umat berbanding kepentingan dirinya sendiri.

3.7 Hasil dari perkahwinan bersama Nabi SAW

Perkahwinan Rasulullah SAW bersama Aisyah RA mengangkat martabat Aisyah RA dari seorang kanak-kanak perempuan menjadi wanita yang luar biasa dalam sejarah Islam:

- Atha' RA telah berkata: “*Aisyah RA adalah antara orang yang faqih, orang yang paling tahu tentang sesuatu perkara dan orang yang paling baik dalam memberi pendapat*” (Irsyad al-Hadith, 2016).
- Apabila Masruq RA berkata tentang Aisyah RA: “Telah berkata kepadaku as-Siddiqah anak kepada as-Siddiq, kekasih Rasulullah SAW yang dibebaskan daripada langit (Irsyad al-Hadith, 2016).
- Al-Zuhri RA telah berkata: “Jika dihimpunkan ilmu Aisyah RA dengan ilmu para isteri Nabi SAW dan ilmu wanita-wanita lain, nescaya ilmu Aisyah RA itu lebih baik” (Irsyad al-Hadith, 2016).
- Selain itu, beliau merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW yang faqih, alim, cerdik dan banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW iaitu sebanyak 1210 hadis. 147 hadis beliau disepakati oleh Bukhari dan Muslim, 45 diriwayatkan dari Bukhari sahaja dan 86 diriwayatkan oleh Muslim sahaja. Ini kerana, beliau juga merupakan tempat rujukan para sahabat RA yang besar dalam bertanya soalan berkaitan agama seperti *fiqh*, *faraidh* dan perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan Rasulullah SAW ketika berada di dalam rumah (Syamsyuddin Adz Dzahabi, t.th.).

Hasil dari perkahwinan Aisyah RA dan Rasulullah SAW membentuk satu watak ketokohan yang disegani dalam sejarah Islam, malah beliau diberi gelaran *Ummu al-Mukminin* (ibu orang-orang beriman). Aisyah RA melalui kehidupannya bersama Rasulullah SAW dengan penuh rasa kasih dan sayang.

حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بَعَثَهُ عَلَى جَيْشِ ذَاتِ السَّلَاسِلِ، فَاتَّيَتْهُ فَقُلْتُ: " أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ قَالَ: «عَائِشَةُ»، فَقُلْتُ: مِنْ الرِّجَالِ؟ فَقَالَ: «أَبُوهَا»، قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ» فَعَدَّ رِجَالًا.

[al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab Ashabun Nabi SAW, Bab Qaul Nabi SAW Lau Kunta Muttaqizan Khalilan*, no hadis 3662].

Maksudnya: diceritakan Amr bin al-Ash RA, bahawa Rasulullah SAW diutus kepada tentera *zātis sulāsīl* maka datang dia bertanya kepada Rasulullah SAW, “Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling engkau cintai?” Beliau menjawab, “Aisyah.” “Dari kalangan laki-laki?” tanya Amr. Beliau menjawab, “Bapanya.” kemudian siapa? Beliau menjawab Umar bin Khattab, mereka adalah lelaki.

Kecintaan Nabi SAW terhadap isterinya Aisyah RA dirakam dalam ucapan dan hadisnya menjawab persoalan Amr bin al-Ash. Dan menjadi keharusan untuk seluruh

umat Islam memuliakan Aisyah RA. Betapa mulianya Aisyah RA, sehingga terdapat hadis meriwayatkan bahawa Malaikat Jibril menyampaikan Salam kepada Aisyah RA.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ لَهَا: «يَا عَائِشَةُ هَذَا جِبْرِيلُ يَقْرَأُ عَلَيْكَ السَّلَامَ»، فَقَالَتْ: وَعَلَيْهِ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، تَرَى مَا لَا أَرَى، تُرِيدُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

[al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab bada'u al-Khalqu, Bab Zikr Malaikat*, no hadis 3217]

Maksudnya: *Daripada Aisyah RA: Bahawa Nabi SAW bersabda kepadanya “Wahai Aisyah, ini Jibril menyampaikan Salam kepadamu”. Aisyah berkata, “Salam juga untuknya, rahmat dan berkah Allah semoga dilimpahkan kepadanya. Engkau dapat melihat perkara-perkara yang tidak dapat aku lihat, yang dimaksud adalah Nabi SAW.*

Perkahwinan Aisyah RA bersama Rasulullah SAW membuatkan beliau dimuliakan penduduk langit, tiada yang lebih penting dari kecintaannya pada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Maka layakkah insan semulia Aisyah RA dan Rasulullah SAW dilabel sebagai pedofilia? Bahkan kemuliaan dan keberadaan bagindalah yang membawa rahmat kepada sekalian alam.

4. Rumusan

Perkahwinan Rasulullah SAW dan Aisyah RA tidak sepatutnya dikaitkan dengan pedofilia, kerana jelas setiap apa yang dilakukan oleh baginda adalah merupakan ketaatan dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT. Sehubungan dengan itu, sebahagian dari sarjana Islam dalam menepis tuduhan barat, mereka mengambil inisiatif dengan mempertikaikan hadis-hadis dalam *sahih* Bukhari dan Muslim. Perbuatan mempertikai beberapa hadis dalam *Sahihain* menunjukkan bahawa kedua-dua kitab tersebut boleh dipertikai secara menyeluruh, dan ini akan membuka ruang untuk musuh-musuh Islam menyerang dan menggugat sumber perundangan kedua iaitu hadis. Penting bagi seluruh umat Islam untuk berpegang teguh dengan al-Quran dan hadis sesuai dengan pegangan akidah dan ilmu. Namun dalam isu yang sensitif ini golongan agama perlu bijak menangkis fitnah luar tanpa merosakkan disiplin ilmu sedia ada. Golongan agama sepatutnya memberi kefahaman yang jelas terhadap masyarakat, bukan mengelirukan mereka.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia Di Malaysia’.

Rujukan

- ‘Abd al-Rahman al-Jaziri. 1935. *Kitab al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah* (n.p.: Matba’ah al-Irshad), iv. 51.
- Al-Sarakhsi. 2001. *Kitab al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, v. 99.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1999. *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Syafi’i*. Jil. 11, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali Yusuf. 1999. *Al-Muhazzab fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi’e*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Browne, A., & Finkelhor, D. (1986). Impact of child sexual abuse: A review of the research. *Psychological Bulletin*, 99(1), 66-67.
- Hyman, S. M., Gold, S. N., & Cott, M. A. (2003). Forms of social support that moderate PTSD in childhood sexual abuse survivors. *Journal of Family Violence*, 18(5), 295-300.
- Irsyad al-Hadith. 2016. Irsyad al-Hadith Siri Ke-127: Umur Aisyah RA <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1455-irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra>
- <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2415#.Wz2itdIzaM9>
- Lianny Solihin. (2004). Tindakan kekerasan pada anak dalam keluarga. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 3(3), 129-139.
- Mohd Khalil Haji Nordin. 2011. *Pasport Biografi Muhammad Rasulullah SAW*. Triple Power Publications.
- Muhammed Sharif Mustaffa, & Nur Diyana Abd Rahim. (2012). Kesan psikologi dan bentuk sokongan anak deraan seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6(6), 30-49.
- Muhammad as-Sayyid Sabiq. 2012. *Fiqh as-Sunnah lil Hassan al-Banna*. Mesir: Dar al-Fath.
- Muhammad Fahmi Rusli. 16 Julai 2018. *Bayan Linnas Siri Ke-141: Perkahwinan Kanak-Kanak Mengikut Perspektif Syariah* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke-141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah>
- Mahmud Ali al-Sartawi. 2007. *Syarah Qanun al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Amman-Jordan: Dar al-Fikr.
- Motzki H. 1996. *Child Marriage in Seventeenth – Century Palestine, Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas*. Cambridge: Harvard University Press).
- Mstar. 2018. Kerajaan Jawab Isu Budak 11 Tahun Kahwin Lelaki 41 Tahun. 30 Jun. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/06/30/kerajaan-jawab-isu-kahwin-bawah-umur>.

- Nawawi, Abu Zakariya Mahy al-Din ibn Syarf. t.th. *Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Damsyiq: Idarah al-Tiba'ah al-Munirah.
- Noresah Baharom. 2005. Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safiur Rahman Mubarakfuri. 1976. *Ar-Raheeq Al-Makhtum*. India: Darussalam.
- Syamsyuddin Adz Dzahabi. t.th. *Siyar A'lamun Nubala*, jild. 3, hlm. 310. t. tp. t.pt.
- Steel, J., Sanna, L., Hammond, B., Whipple, J., & Cross, H. (2004). Psychological sequelae of childhood sexual abuse: Abuse related characteristics, coping strategies, and attributional style. *Child Abuse & Neglect*, 28(7), 785-801.
- Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni, & Zaizul Abdul Rahman. (2012). Kajian kes inses bapa-anak perempuan: Memahami pengalaman dari perspektif mangsa. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 46-58.
- Salleh Buang. 8 September 2017. *Akta 792 Lindungi Kanak-kanak*. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akta-792-lindungi-kanak-kanak-1.523933>.
- Utusan Online. 28 Julai 2017. *22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak*. <https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/22-234-kes-penderaan-seksual-kanak-kanak-1.508301>